

---

# Dasar tingkat penyertaan penduduk

**KUALA LUMPUR, Jumaat —**  
**Datuk Seri Dr Mabathir Mo-**  
**hammad berkata, perhatian**  
**khusus Dasar Pelancongan**  
dalam Rancangan Malaysia  
**Keenam (RM6)** akan memba-  
wa kesan **besar** ke **atas per-**  
kembangan sektor **itu, di sam-**  
ping meningkatkan mutu  
kehidupan penduduk  
tempatan.

**Menurut Perdana** Menteri,  
**dasar** itu penting untuk **me-**  
ningkatkan penyertaan **pen-**  
duduk setempat dan **me-**  
maksimumkan peluang  
ekonomi daripada  
pelancongan.

**"Industri** pelancongan **men-**  
yumbangkan purata 24.5 **pera-**  
tue pendapatan tahunan **nega-**  
ra sepanjang tempoh  
Rancangan **Malaysia** Kelima  
**(RM5), sekaligus mengun-**  
tungkan negara **selepas ber-**  
**usaha** meletakkan nama **da-**  
lam senarai **destinasi**  
pelancongan antarabangaa,"  
katanya ketika melancarkan  
buku **"Malaysia: Heart of**  
**Southeast Asia", di sini, ma-**  
lam ini.

**Perdana** Menteri berkata,  
kejayaan cemerlang Tahun  
Melawat Malaysia 1990 **ada-**  
lah bukti kerjanama antara  
sektor awam dan **swasta.**